

---

**BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD****NOTA AMALAN 30****PENGUATKUASAAN PROSIDING & PERKARA BERKAITAN**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 8 Mei 2013	Perenggan 16.26, 16.27 & 16.29

**1.0 Pengenalan**

- 1.1 Menurut perenggan 16.26 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Bursa akan menentukan tatacara yang terpakai bagi tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Bab 16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 1.2 Bahagian I dan II Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai tatacara dan kehendak yang berhubungan dengan prosiding penguatkuasaan penuh dan cepat masing-masing.
- 1.3 Menurut perenggan 16.27 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang berbangkit daripada tindakan penguatkuasaan yang diambil boleh merayu terhadap keputusan itu mengikut cara yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa. Bahagian III Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai tatacara dan kehendak yang berhubungan dengan tatacara rayuan.
- 1.4 Bahagian IV Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai representasi lisan yang boleh dimohon oleh seseorang dalam suatu prosiding penguatkuasaan.
- 1.5 Bagi mengelakkan keraguan, Bursa tidak terikat dengan kaedah-kaedah undang-undang keterangan dan tatacara dalam mana-mana prosiding penguatkuasaan di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

**BAHAGIAN I PROSIDING PENGUATKUASAAN PENUH****2.0 Notis Perlu**

- 2.1 Apabila Bursa bercadang untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap seseorang di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Bursa akan menyerahkan kepada orang itu suatu notis bertulis yang menyatakan sifat dan butir-butir pelanggaran yang orang itu didakwa telah melakukan ("**Notis Perlu**").

**3.0 Maklum balas kepada Notis Perlu**

- 3.1 Seseorang boleh mengemukakan kepada Bursa suatu maklum balas bertulis kepada Notis Perlu ("**Maklum Balas**") dalam masa yang ditetapkan dalam Notis Perlu.

#### 4.0 Pemberitahuan Keputusan

- 4.1 Selepas tamat sesuatu prosiding penguatkuasaan, Bursa akan memberitahu orang itu secara bertulis tentang keputusan termasuk hukuman yang dikenakan (jika ada).

### BAHAGIAN II PROSIDING PENGUATKUASAAN DIPERCEPAT

#### 5.0 Tatacara yang berhubungan dengan suatu prosiding penguatkuasaan dipercepat

- 5.1 Bursa boleh memulakan prosiding penguatkuasaan dipercepat di bawah Bahagian II ini terhadap seseorang yang tindakan penguatkuasaan dicadangkan untuk diambil, daripada prosiding di bawah Bahagian I, dalam hal keadaan yang difikirkan patut oleh Bursa, seperti berkenaan dengan pelanggaran Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang lazimnya tidak menyebabkan penalti melangkaui –

- (a) amaran; atau
- (b) denda melebihi RM 10,000.00

- 5.2 Dalam suatu prosiding penguatkuasaan dipercepat, Bursa akan memaklumkan orang yang terhadapnya tindakan penguatkuasaan itu dicadangkan untuk diambil, secara bertulis, tentang pelanggaran dan hukuman yang dikenakan akibat pelanggaran itu ("**Penentuan**").

- 5.3 Orang itu mesti, dalam tempoh yang ditentukan dalam Penentuan, memaklumkan Bursa secara bertulis sama ada atau tidak orang itu bersetuju dengan Penentuan itu. Seseorang disifatkan sebagai bersetuju dengan Penentuan jika orang itu tidak memberikan maklum balas dalam tempoh yang ditentukan.

- 5.4 Jika orang itu bersetuju atau disifatkan sebagai bersetuju dengan Penentuan itu, orang itu mesti melaksanakan hukuman yang dikenakan. Tindakan penguatkuasaan akan direkodkan sebagai telah diambil terhadap orang itu apabila masa yang ditentukan luput.

- 5.5 Jika orang itu tidak bersetuju dengan Penentuan itu, perkara itu akan dikendalikan di bawah Bahagian I. Orang itu boleh mengemukakan maklum balas bertulis kepada Penentuan itu seolah-olah Penentuan itu ialah suatu Notis Perlu di bawah Bahagian I. Dalam mempertimbangkan perkara itu, Bursa tidak terikat dengan Penentuan itu dan boleh mengenakan hukuman yang lebih berat berdasarkan fakta atau keterangan yang dikemukakan semasa prosiding itu di bawah Bahagian I.

#### 6.0 Tiada pengehadan

- 6.1 Tiada apa-apa dalam Bahagian ini yang menghalang Bursa daripada meneruskan prosiding penguatkuasaan penuh di bawah Bahagian I bagi apa-apa pelanggaran Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

### BAHAGIAN III RAYUAN

#### 7.0 Notis rayuan

- 7.1 Sekiranya seseorang merayu terhadap keputusan yang disebut dalam Bahagian I di atas, orang tersebut mesti dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam

**NOTA AMALAN 30**  
**Penguatkuasaan Prosiding & Perkara Berkaitan**

---

pemberitahuan keputusan yang diberikan di bawah Bahagian I, memberikan notis secara bertulis kepada Bursa ("**Notis Rayuan**") yang -

- (a) mengenal pasti keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat; dan
- (b) menyatakan alasan rayuan berserta dengan representasi untuk mewajarkan alasan yang dijadikan sandaran.

**8.0 Pertimbangan rayuan**

8.1 Seseorang boleh mengemukakan keterangan yang tidak dikemukakan semasa prosiding penguatkuasaan awal sekiranya -

- (a) keterangan tidak tersedia semasa prosiding penguatkuasaan awal dijalankan; dan
- (b) keterangan itu mungkin boleh mempengaruhi penentuan keputusan yang dirayukan terhadapnya.

8.2 Orang tersebut mesti mengemukakan keterangan baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.1 di atas ketika mengemukakan Notis Rayuan.

8.3 Bursa boleh mengemukakan keterangan baharu yang timbul daripada Notis Rayuan yang dikemukakan oleh orang tersebut.

8.4 Bursa boleh mengesahkan, mengubah atau mengetepikan keputusan yang terhadapnya rayuan dibuat.

**9.0 Pemberitahuan keputusan bagi rayuan**

9.1 Selepas tamatnya rayuan, Bursa akan memberitahu orang tersebut secara bertulis tentang keputusan rayuan itu dan keputusan tersebut adalah muktamad.

**BAHAGIAN IV REPRESENTASI LISAN**

**10.0 Permintaan bagi representasi lisan dsb.**

10.1 Bursa boleh membenarkan representasi lisan, hujahan atau kehadiran saksi bagi apa-apa prosiding yang dimulakan terhadap seseorang di bawah Nota Amalan ini.

10.2 Orang yang terhadapnya tindakan penguatkuasaan diambil hanya boleh meminta representasi lisan, hujahan lisan atau kehadiran saksi jika dia telah mengemukakan -

- (a) Maklum balas sebagaimana yang dikehendaki dalam Bahagian I; atau
- (b) Notis Rayuan sebagaimana yang dikehendaki dalam Bahagian III.